



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : NOVEMBER / 18 / 2024

M/S : 4

100 hari sebagai KSN

'Cara berfikir penjawat awam perlu berubah'

Shamsul Azri
tekad laksana
reformasi
demi tingkat
kepercayaan rakyat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Esok, genap 100 hari Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar menggalas tanggungjawab dan amanah sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN) ke-16.

Beliau dilantik secara rasmi pada 12 Ogos lalu, membawa tekad memperkukuh matlamat reformasi perkhidmatan awam bagi meningkatkan kecekapan penjawat awam dan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan.

Shamsul Azri mendedahkan, arahan pertama diterimanya daripada Datuk Seri Anwar Ibrahim pada malam pengumuman pelantikan pada 7 Ogos adalah mesej ringkas, tetapi jelas.

"Please start your reform now (Sila mulakan pembaharuan anda sekarang)," katanya meru-

juk mesej yang diterima daripada Perdana Menteri, sekali gus meletakkan keutamaannya sebagai KSN adalah mereformasi perkhidmatan awam.

Antara inti pati reformasi disasarkan, kata Shamsul Azri, ialah mesti menyemak semula setiap tiga tahun, sekurang-kurangnya 25 peratus daripada peraturan, prosedur membebaskan dan merosakkan kepercayaan pelanggan.

"Kita kena kurangkan," katanya kepada **BERNAMA** menerusi wawancara khas sempena 100 hari pelantikannya sebagai KSN ke-16.

Terdahulu dalam wawancara bersama Media Prima Berhad, beliau menegaskan, aktiviti *reach out*, turun padang, lawatan mengejut dan libat urus dijadikan budayanya untuk mendalami nurani penjawat awam dengan lebih berkesan.

"Kita kena *reach out* dan selalu kena turun padang, kena selalu buat libat urus dan kena selalu buat lawatan mengejut, dijadikan sebagai budaya," katanya.

Beliau mahu melihat cara

penjawat awam berfikir, bertindak dan bekerja berubah kerana reformasi membabitkan rasionalisasi sektor awam, termasuk badan berkanun memerlukan pemikiran serta paradigma baharu lebih kreatif dan inovatif.

"Kita perlu memastikan peraturan lapuk dan tidak mesra perniagaan dikaji, diteliti serta diperbaharui tanpa menjejaskan integriti dan tatakelola yang baik.

"Kita perlu ubah sistem dan prosedur kerja yang masih berasaskan kaedah konvensional serta amalan lama dari generasi ke generasi supaya ia lebih pantas dan berkesan," katanya.

Mengenai maklum balas penjawat awam terhadap agenda reformasi dibawahnya, beliau berkata, ia amat positif.

"Kita tak boleh buat pendekatan sehalu, kena ada banyak pendekatan, kena selalu jumpa. Kita kena jadikan supaya orang senang datang kepada kita, boleh luah masalah dan kita pun boleh kongsi apa yang kita nak buat.

"Maklum balas yang saya terima, Alhamdulillah. Dalam kebanyakan jabatan dan agensi, saya lihat dalam Facebook mereka, selalu kongsi nilai MERDEKA, MALAYSIA, kerangka reformasi," katanya.

Beliau merujuk nilai semangat 'MERDEKA' iaitu 'Menumpah Taat Setia, Empati Kepada Rakyat, Relevan, Dedikasi, Emosi, Karismatik dan Amanah' diperkenalkannya untuk perkhidmatan awam lebih telus dan berorientasikan rakyat.

Nilai 'MALAYSIA' iaitu 'Mesra, Adil, Luhur, Amanah, Yakini, Setia, Islah dan Arif' pula sebagai pegangan penjawat awam dalam menyokong matlamat reformasi diimpikan untuk negara.

Ada ruang penambahbaikan
Sementara itu, **BERNAMA** melaporkan, Shamsul Azri berkata, terdapat ruang penambahbaikan boleh dilaksanakan dalam perkhidmatan awam dan reformasi penting sebagai asas untuk mengembalikan kepercayaan rakyat kepada kerajaan.

Beliau tidak menolak hakikat wujud beberapa cabaran utama, termasuk mengubah cara pemikiran, tindakan dan budaya ker-

ja yang memerlukan pendekatan baharu dan segar.

"Reformasi yang melibatkan rasionalisasi sektor awam, termasuk badan berkanun Persekutuan dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) memerlukan pemikiran yang lebih kreatif dan inovatif.

"Cabaran kedua, memastikan peraturan lapuk, tidak mesra perniagaan dikaji, diperbaharui tanpa korbakan integriti dan tatakelola. Seperti disebut Perdana Menteri sebagai 'Islah Masta To'tum', melaksanakan penambahbaikan semampu mungkin untuk memastikan perkhidmatan awam kekal relevan dan efisien," katanya.

Cabaran ketiga, berkait sistem dan prosedur kerja konvensional yang telah lama diamalkan dan dengan kemajuan digitalisasi, penyampaian perkhidmatan secara fizikal semakin beralih kepada perkhidmatan dalam talian.

"Setakat ini, pelaksanaan perkhidmatan dalam talian atau E2E capai tahap 70 peratus, namun beberapa sistem dan prosedur masih perlu diubah untuk tingkatkan kelajuan dan keberkesanan perkhidmatan kepada rakyat," katanya.



Shamsul Azri Abu Bakar